

## **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN SYARAHAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA TAMIL MALAYSIA MADANI TAHUN 2024**

---

Pertandingan Syarahan Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil Malaysia Madani adalah anjuran Persatuan Pendidikan Ilham dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

### **1.0 UMUM**

- 1.1 Peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Syarahan Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil Malaysia Madani Tahun 2024.
- 1.2 Tafsiran peraturan ini ialah hak mutlak Jawatankuasa Pertandingan. Keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.
- 1.3 Jawatankuasa Pertandingan mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum dan semasa pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.

### **2.0 STRUKTUR PERTANDINGAN**

- 2.1 Pertandingan syarahan akan dijalankan dalam dua kategori iaitu:
  - a. Bahasa Melayu; dan
  - b. Bahasa Tamil.

### **3.0 PENYERTAAN**

- 3.1 Peserta mestilah pelajar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang sedang melanjutkan pelajaran.
- 3.2 Pelajar yang telah tamat pengajian tidak boleh menyertai Pertandingan Syarahan ini.
- 3.3 Penyertaan pertandingan syarahan adalah percuma.
- 3.4 Penyertaan pertandingan syarahan kategori Bahasa Melayu adalah terhad kepada 25 peserta pertama yang berdaftar.

- 3.5 Penyertaan pertandingan syarahan kategori Bahasa Tamil adalah terhadap kepada 50 peserta pertama yang berdaftar.
- 3.6 Tarikh tutup penyertaan adalah 3 Januari 2024.
- 3.7 Pendaftaran akan ditutup, jika jumlah peserta untuk setiap kategori telah dipenuhi.

#### **4.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 4.1 Pertandingan syarahan Bahasa Melayu akan dilaksanakan dalam tiga pusingan iaitu pusingan saringan, pusingan separuh akhir (10 terbaik) dan pusingan akhir (5 terbaik).
- 4.2 Pertandingan syarahan Bahasa Tamil akan dibahagikan kepada Kumpulan A dan Kumpulan B. Setiap kumpulan akan mempunyai 25 peserta.
- 4.3 Pertandingan syarahan Bahasa Tamil akan dilaksanakan dalam tiga pusingan iaitu pusingan saringan, pusingan separuh akhir (5 terbaik Kumpulan A dan 5 terbaik Kumpulan B) dan pusingan akhir (5 terbaik).
- 4.4 Bagi peringkat pusingan saringan, peserta dikehendaki menyampaikan syarahan dan diperuntukkan selama 7 minit mengikut kriteria pemarkahan syarahan yang ditetapkan.
- 4.5 Setelah selesai pusingan saringan, sepuluh (10) orang peserta yang mempunyai markah tertinggi akan layak untuk bertanding pada peringkat separuh akhir.
- 4.6 Semasa peringkat separuh akhir, peserta akan digandingkan dengan peserta lain dan diberikan tajuk yang sama untuk dibincangkan.
- 4.7 Setiap peserta akan diberikan 5 minit untuk mengemukakan pendapat dan perspektif berkaitan dengan tajuk yang diberikan.
- 4.8 Untuk pusingan separuh akhir, penilaian adalah secara individu walaupun peserta berpasangan.

- 4.9 Setelah selesai pusingan separuh akhir, lima (5) orang peserta yang mempunyai markah tertinggi akan layak untuk bertanding pada peringkat akhir.
- 4.10 Pengundian nombor giliran peringkat akhir akan dilaksanakan selepas sahaja pengumuman dibuat.
- 4.11 Semasa peringkat akhir, setiap peserta diperuntukkan selama 7 minit untuk menyampaikan syarahan.
- 4.12 Untuk semua pusingan, loceng akan dibunyikan sebanyak 1 kali semasa peserta memulakan syarahan. Kemudian loceng akan dibunyikan sebanyak 1 kali menandakan masa syarahan berbaki 1 minit. Manakala loceng akan dibunyikan sebanyak 2 kali menandakan masa telah tamat.

## **5.0 PAKAIAN**

- 5.1 Peserta hendaklah berpakaian formal atau tradisional semasa pertandingan bagi setiap pusingan.

## **6.0 PEMARKAHAN**

- 6.1 Markah penuh bagi setiap pusingan ialah 100 markah. Pemecahan pemarkahan berdasarkan aspek berikut:
  - a. Isi 40 Markah;
  - b. Bahasa 35 Markah;
  - c. Gaya 20 Markah; dan
  - d. Etika 5 Markah.
- 6.2 Isi yang disampaikan akan dinilai berdasarkan kesesuaian isu/hujah serta disokong dengan contoh/fakta yang padat, sahih, dan terkini.
- 6.3 Tiada jumlah isi ditetapkan untuk pertandingan syarahan dan ini bergantung kepada kesesuaian peserta dalam menyampaikannya.
- 6.4 Penilaian bahasa dinilai melalui aspek penggunaan tatabahasa yang betul serta laras bahasa yang baik.
- 6.5 Gaya peserta dinilai berdasarkan nada suara yang sesuai, mempunyai unsur pembujukan, yakin dan spontan.

6.6 Penilaian etika merangkumi adab peserta dalam menyampaikan syarahannya. Bagi peserta yang menggunakan teks ulangan (plagiarisme), markah akan dipotong dari aspek ini.

## 7.0 TEMA SYARAHAN

7.1 Peserta diberi kebebasan untuk memilih tema syarahan masing-masing bagi pusingan saringan. Tema bukanlah tajuk syarahan dan peserta boleh membentuk apa-apa tajuk syarahannya berdasarkan tema yang ditetapkan.

7.2 Tajuk untuk pusingan separuh akhir akan diumumkan selepas tamat pusingan saringan.

7.3 Tema untuk pusingan akhir akan diumumkan selepas tamat pusingan separuh akhir.

7.4 Berikut merupakan **tema syarahan Bahasa Melayu** pusingan saringan:

- a. Bahasa
- b. Negara
- c. Sejarah
- d. Sastera
- e. Cendekiawan

7.5 Berikut merupakan **tema syarahan Bahasa Tamil** pusingan saringan:

- a. மொழி
- b. நாடு
- c. வரலாறு
- d. இலக்கியம்
- e. சான்றோர்

## 8.0 HADIAH

8.1 Semua peserta akan diberikan sijil penyertaan.

8.2 Peserta yang tidak berjaya ke peringkat separuh akhir akan diberikan pingat gangsa.

8.3 Peserta yang tidak berjaya ke peringkat akhir selepas peringkat separuh akhir akan diberikan pingat perak dan sijil pencapaian separuh akhir.

8.4 Berikut adalah hadiah-hadiah bagi peserta yang layak ke peringkat akhir:

Pertama	<ol style="list-style-type: none"><li>1. RM 300</li><li>2. Piala Individu</li><li>3. Pingat Emas</li><li>4. Sijil</li><li>5. Piala Pusingan</li></ol>
Kedua	<ol style="list-style-type: none"><li>1. RM 200</li><li>2. Piala Individu</li><li>3. Pingat Emas</li><li>4. Sijil</li></ol>
Ketiga	<ol style="list-style-type: none"><li>1. RM 100</li><li>2. Piala Individu</li><li>3. Pingat Emas</li><li>4. Sijil</li></ol>
Keempat	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Piala Individu</li><li>2. Pingat Emas</li><li>3. Sijil</li></ol>
Kelima	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Piala Individu</li><li>2. Pingat Emas</li><li>3. Sijil</li></ol>

## 9.0 RAYUAN

9.1 Semua bantahan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pertandingan secepat mungkin selepas selesai mana-mana sesi pusingan syarahan.

9.2 Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

9.3 Pihak Jawatankuasa berhak membuat keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah jika berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan demi memastikan kelancaran pertandingan pada satu-satu masa.